

DISEDIAKAN
OLEH

JABATAN
DANA & ZAKAT

MAAHAD TAHFIZ
AL-FATEH
معهد الفاتح لتحفيظ القرآن



NADI

EDISI
FEBRUARI
2026

AL-FATEH



DISEDIAKAN UNTUK

PARA PENYUMBANG



***AKTIVITI
GOTONG ROYONG***

AKTIVITI GOTONG ROYONG I

14 FEBRUARI 2026

Pada 14 Februari 2026, para pelajar Maahad Tahfiz Al-Fateh telah menyertai aktiviti gotong-royong yang diadakan di Masjid Sungai Masin.

Sepanjang aktiviti berlangsung, para pelajar berganding bahu membersihkan kawasan dalam dan luar masjid, termasuk ruang solat, perkarangan serta kawasan sekitar.

Aktiviti seperti ini bukan sahaja menyumbang kepada kebersihan dan keceriaan masjid, malah menjadi medan pembentukan sahsiah dan nilai kepimpinan dalam kalangan pelajar.

Diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan dalam khidmat komuniti.



AKTIVITI GOTONG ROYONG I

14 FEBRUARI 2026



Gambar sekitar aktiviti Gotong-Royong di Masjid Sungai Masin

***MAJLIS DOA & KHATAM
HAFAZAN 30 JUZ
AL-QURAN***

MAJLIS DOA & KHATAM HAFAZAN 30 JUZ AL-QURAN I

16 FEBRUARI 2026

Pada 16 Februari 2026, telah berlangsung Majlis Doa dan Khatam Hafazan 30 Juz Al-Quran bagi meraikan pencapaian salah seorang pelajar Maahad Tahfiz Al-Fateh. Majlis ini diadakan sebagai tanda kesyukuran atas kejayaan menamatkan hafazan Al-Quran dengan sempurna.

Pelajar yang diraikan ialah Tengku Umayr 'Akef bin Tengku Asyraf, yang telah berjaya menyempurnakan hafazan 30 Juz Al-Quran. Kejayaan ini merupakan hasil daripada usaha gigih, disiplin yang tinggi serta bimbingan para asatizah sepanjang tempoh pengajian.

Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar lain untuk terus berusaha menghafaz dan menghayati Al-Quran dalam kehidupan seharian.



MAJLIS DOA & KHATAM HAFAZAN 30 JUZ AL-QURAN I 16 FEBRUARI 2026



Gambar sekitar Majlis Doa & Khatam Hafazan 30 Juz Al-Quran

***KURSUS LADAP GURU
ALFATEH 2.0***

KURSUS LADAP GURU 2.0 I

18 FEBRUARI 2026

Pada 18 Februari 2025 (Rabu), Maahad Tahfiz Al-Fateh telah mengadakan Kursus LADAP 2.0 bertempat di Dewan Maahad Tahfiz Al-Fateh dari jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Kursus bertajuk “Membina Karakter Guru dan Integriti Melalui Perspektif Islam” ini telah disampaikan oleh Ustazah Norakhilah binti Baharin.

Pengisian yang dibentangkan menekankan kepentingan pembinaan sahsiah guru, keutuhan integriti serta peranan pendidik sebagai qudwah hasanah dalam membentuk generasi huffaz dan pelajar yang berakhlak mulia.

Semoga kursus ini dapat memberi impak positif dalam memperkukuh profesionalisme dan nilai amanah dalam kalangan warga pendidik ALFATEH.



KURSUS LADAP GURU 2.0 I

18 FEBRUARI 2026



Gambar sekitar Kursus LADAP Guru 2.0

***PROGRAM IHYA' RAMADAN
(PELAJAR HAFIZAH)***

PROGRAM IHYA' RAMADAN I FEBRUARI 2026

Sepanjang bulan Februari, pelajar hafizah Maahad Tahfiz Al-Fateh telah menyertai pelbagai aktiviti di bawah program Ihya' Ramadan yang dianjurkan bagi menyemarakkan penghayatan bulan yang penuh keberkatan ini. Program ini bertujuan memupuk kecintaan terhadap Al-Quran, meningkatkan amalan ibadah serta membentuk sahsiah pelajar sepanjang Ramadan.


Antara aktiviti yang dijalankan termasuk Tadarus dan Tadabbur Al-Quran, Tilawah Fardi, Ihfazhil Kalam, Khatirah Pagi, Infak Ramadan, serta pengisian kreatif seperti Pertandingan Komik Ramadan, Hiasan Ramadan, Lensa Ramadan & Al-Quran, dan Diari Mujahidah Ramadan.

Melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan, para pelajar bukan sahaja dapat meningkatkan amalan ibadah, malah berpeluang menzahirkan kreativiti serta menghayati nilai-nilai Ramadan dalam kehidupan seharian.



PROGRAM IHYA' RAMADAN I

FEBRUARI 2026



Gambar sekitar Program Ihya' Ramadan



***SPM
BOOSTER TALK***

SPM BOOSTER TALK I

28 FEBRUARI 2026

Pada 28 Februari 2026, Maahad Tahfiz Al-Fateh telah menganjurkan program SPM Booster Talk khusus untuk pelajar-pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan SPM. Program ini diadakan sebagai inisiatif Unit Akademik SPM ALFATEH bagi membantu pelajar meningkatkan motivasi serta memperkukuh persediaan menjelang peperiksaan.

Melalui pengisian yang memfokuskan kepada pengurusan emosi dan teknik pembelajaran berkesan, para pelajar didedahkan dengan cara mengenal pasti tahap kesihatan mental, mengawal emosi ketika berdepan tekanan peperiksaan serta memahami kaedah pembelajaran yang sesuai dengan gaya masing-masing seperti kinestetik, auditori dan visual.

Diharapkan program ini dapat membantu pelajar membina ketahanan mental, meningkatkan fokus dalam pembelajaran serta menyusun strategi belajar dengan lebih teratur dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan SPM.



SPM BOOSTER TALK I

28 FEBRUARI 2026



Gambar sekitar Program SPM Booster Talk

LAPORAN
PROJEK PEMBANGUNAN
FEBRUARI 2026

PROJEK PEMBANGUNAN I COMPACT SUBSTATION UNIT TNB



Alhamdulillah, projek pembangunan Compact Substation Unit TNB dengan kos keseluruhan sebanyak RM350,000 telah berjaya disiapkan sepenuhnya dalam tempoh setahun dan kini telah mula digunakan.

Kemudahan ini dibangunkan bagi memperkukuh sistem bekalan elektrik sedia ada, khususnya untuk menampung keperluan semua bangunan yang sedang beroperasi pada masa ini. Dengan siapnya Compact Sub ini, bekalan elektrik kini lebih stabil.

Pihak Maahad Tahfiz Al-Fateh merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para penyumbang yang telah menyumbang dana serta memberikan sokongan dalam menjayakan pembangunan kemudahan ini. Semoga segala sumbangan yang diberikan dikurniakan ganjaran dan keberkatan yang berlipat ganda daripada Allah SWT.

KOD QR KEMPEN DANA 2026

SUMBANGAN ASRAMA HAFIZAH



SEDEKAH JUMAAT



TAJA IFTAR



TAJAJAN PENDIDIKAN PELAJAR ASNAF





MAAHAD TAHFIZ
AL-FATEH
معهد الفاتح لتحفيظ القرآن

TUNAIKAN ZAKAT SEKARANG

Kami merupakan Penolong Amil Zakat
Selangor yang berdaftar secara sah.



**TUNAI
ZAKAT**



MAAHAD TAHFIZ
AL-FATEH
معهد الفاتح لتحفيظ القرآن



www.tunaizakat.my



MAKLUMAT TAHFIZ



Nama Sekolah

Maahad Tahfiz Al-Fateh



Alamat

Lot 922, Sungai Bertam, Jalan Belakang Pusat
Pertanian, 44300 Batang Kali, Selangor



No. Pendaftaran

JLD.8(59) BZH 5024



No. Telefon

+60 17 - 472 4352 (Dana)



E-mel

tahfizalfateh15@gmail.com



Akaun Bank

Agrobank



No Akaun Bank

1005 4810 0007 7483



Media Sosial

facebook.com/tahfizalfateh | instagram.com/tahfizalfateh



Laman Sesawang

www.alfateh.edu.my



MAAHAD TAHFIZ AL-FATEH